

MAHATHIR
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10 MALAM INI, 3 NOV)

(1)

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI +KOMITMEN BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN+ MESTILAH DIJADIKAN AGENDA NASIONAL.

BERUCAP MERASMIKAN KONGRES PENGURUSAN SEDUNIA KALI KE 20 DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA MENGENDALI URUSAN KE ARAH MENCAPAI KECEMERLANGAN ADALAH DALAM KEMAMPUAN SETIAP PERTUBUHAN, NEGARA DAN RAKYAT.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN TIDAK ADA JALAN RINGKAS MENUJU KECEMERLANGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KOMITMEN BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN MESTILAH JUGA DIJADIKAN SATU PENERIMAAN KEBANGSAAN, KOMITMEN BERSAMA KE ARAH MENJAYAKAN MATALAMAT BERSAMA.

BELIAU MENEGASKAN PENGURUSAN PERTUBUHAN YANG EFEKTIF TIDAK SAJA PENTING MALAHAN MERUPAKAN SATU KEPERLUAN SOSIAL, SYARAT UNTUK PENERUSAN HIDUP; KEMAJUAN DAN KECEMERLANGAN. - LAGI.

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(1)

+TENTUNYA KITA MEMERLUKAN TENAGA DAN +PEMIKIRAN+ YANG MENINGKAT JIKA KITA BERHASRAT MEMAJUKAN PERTUBUHAN DARI HANYA TAHAP PENERUSAN HIDUP (SURVIVAL) KE TAHAP KECEMERLANGAN+ UJAR PERDANA MENTERI.

BELIAU MENEGASKAN +PEMIKIRAN+ LEBIH DIPERLUKAN HARI INI, KETIKA DUNIA MENGALAMI KEMELESETAN YANG SUKAR DIRAMALKAN.

TERDAPAT BAHAYA PARA PENGURUS MUNGKIN BERPUTUS ASA DAN BERSERAH SAJA DIRI KEPADA APA YANG KELIHATAN TIDAK DAPAT DIELAKKAN, KERUNTUHAN SISTEM DAN JIKA MEREKA BERBUAT DEMIKIAN BENCANA AKAN TIMBUL, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN EKONOMI BANYAK BERGANTUNG PADA KEMAMPUAN PARA PENGURUS SESEBUAH NEGARA.

+ADALAH SUKAR UNTUK MEMIKIRKAN EKONOMI PASARAN YANG TELAH DIBINA OLEH PARA PENGURUS, BOLEH MEROSOT SEBEGITU TERUK HINGGA MEREKA TIDAK DAPAT MEMBETULKANNYA KEMBALI,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(1)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA PARA PENGURUS YANG HANYA BOLEH MENJALANKAN TUGAS PADA KEADAAN YANG TETAP +BUKANLAH PENGURUS YANG BERWIBAWA+

+PENGURUS YANG BERWIBAWA BOLEH MENJANGKA DAN MERAMALKAN PERUBAHAN PADA KEADAAN YANG TIDAK MENENTU, DAN PADA KETIKA DEMIKIANLAH KEMAMPUAN MEREKA BENAR-BENAR TERUJI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM KEADAAN TERTENTU, PENGURUS TIDAK SEHARUSNYA Mencari ALASAN ATAU MEMBUAT CEMUHAN TETAPI PERLU BERSIKAP POSITIF BAGI MENGATASI SESUATU MASALAH.

MEREKA PERLU BERFIKIRAN TERBUKA, BIJAK MEMBUAT KEPUTUSAN DAN CEKAP Mencari PELUANG, UJARNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA SEMANGAT DEDIKASI KE ARAH KECEMERLANGAN PERLU ADA DI KALANGAN ANGGOTA PERTUBUHAN SEHINGGA IA MENJADI BUDAYA PERTUBUHAN DAN MASYARAKAT+.

KATANYA, INI ADALAH PENTING BAGI MEMASTIKAN KEJADIAN TUNJUK PERASAAN, KONFLIK DAN PEMBERONTAKAN TIDAK AKAN BERLAKU. -- BERNAMA